

Pas perlu umumkan bentuk

UM 14 OCT 2001

Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 13 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu Pas mengumumkan dahulu bentuk dan ciri negara Islam yang dikehendakinya sebelum UMNO sedia mempertimbangkan dialog berhubung isu tersebut.

Menurut Perdana Menteri, UMNO sebenarnya masih menunggu jawapan daripada Pas mengenai pengertian negara Islam yang dimaksudkan oleh parti itu.

Malangnya kata beliau, sehingga kini Pas tidak berani menyahut cabaran itu khususnya menjawab secara berterus-

terang perbezaan antara negara Islam ala Pas dan negara Islam Malaysia sekarang.

“Dialog dengan Pas umpama perbincangan antara orang celik dan orang buta, bak orang buta yang mahu menerangkan bentuk seekor gajah, ada yang kata belalai gajah itu gajah, ekor dan telinganya itu gajah dan sebagainya.

“Sebenarnya buang masa sahaja bercakap dengan mereka ini (Pas),” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Multaqa pimpinan Hal Ehwal Islam anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan di sini hari ini.

Beliau mengulas isu negara Islam yang masih dilau-

laungkan oleh Pas meskipun Perdana Menteri semasa merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan ke-30 pada 4 Oktober lalu mengisytiharkan Malaysia sebuah negara Islam berasaskan pendapat ramai ulama-ulama zaman dahulu.

Bagaimanapun perisytiharan itu disanggah oleh Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor yang mahukan UMNO mengisytiharkan negara Islam di Parlimen.

Perbahasan

Ini, kata Fadzil, bagi membolehkan semua anggota Dewan Rakyat mengambil bahagian dalam perbahasan sebelum perisytiharan diterima pakai.

negara Islam sebelum berdialog

Menurut Dr. Mahathir, UMNO tidak akan membiarkan isu negara Islam yang digembargemburkan Pas berlarutan malah akan mendedahkan siapa sebenarnya yang merampas Islam.

“Kita akan tentukan penipuan ini tidak berlarutan, ini adalah fitnah dan dakwaan siapa yang rampas Islam, jawapannya ialah Pas.

“Bila dia (Pas) mula nak bentuk parti untuk lawan UMNO, dia rampas Islam untuk dirinya sehingga sampai tahap yang mana dia anggap orang yang bukan ahli Pas tidak Islam. Jadi, Islam adalah milik Pas, inilah orang yang rampas Islam,” katanya.

Dalam hubungan ini, kata Perdana Menteri, UMNO akan memberi penjelasan kepada mereka yang masih meragui Malaysia adalah negara Islam.

Menurutnya, meskipun golongan itu di kalangan ahli UMNO tidak ramai, masih ada segelintir yang hati mereka tertutup dan enggan menerima kenyataan tersebut.

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan sambutan ahli parti komponen Barisan Nasional (BN) terhadap perisytiharan negara Islam yang diumumkankannya baru-baru ini, Dr. Mahathir berkata:

“Seperti yang kita lihat, bukan Islam dalam BN semuanya menerima, tak ada masalah kerana

apa yang penting, kita tidak merampas hak kebebasan agama mereka.

“Mereka nampaknya gembira dengan perlembagaan sekarang, negara ini Islam tidak memberi masalah kepada mereka”.

Mengulas pertemuan tertutup dengan pemimpin agama sebelum itu, Dr. Mahathir berkata, beliau menerangkan mengenai perisytiharan negara Islam yang diumumkankannya.

“Mereka bukan tak percaya tapi nak penjelasan.

“Kita juga bincang mengenai Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang diiktiraf oleh dunia Islam sebagai contoh dan juga pendirian kita berkenaan masalah semasa,” katanya.